

JANGAN KERANA FESYEN, AURAT TERDEDAH

Siti Nabihah binti Zainudin, 1171174,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 3 Ogos 2020



Sebut sahaja mengenai fesyen sudah tentu ia sangat berkait rapat dengan wanita. Wanita dan fesyen memang tidak dapat dipisahkan.

Hal ini adalah kerana wanita suka berhias sepanjang masa agar sentiasa kelihatan elegan dan bergaya.

Lebih-lebih lagi aliran pelbagai fesyen hari ini yang serba boleh digayakan seiring dengan peredaran zaman. Namun, dalam keghairahan berfesyen adakah wanita muslimah menitikberatkan soal aurat?

Setiap individu mempunyai hak untuk bergaya mengikut kemampuan dan cita rasa tersendiri. Malangnya, segelintir wanita pada masa ini dilihat gemar mengenakan pakaian yang kurang sopan dan tidak sesuai dengan imej berhijab.

Lebih menyedihkan apabila ada dalam kalangan mereka yang sanggup tidak berhijab semata-mata ingin bebas berfesyen.

Setiap wanita muslimah wajib menutup aurat. Walau bagaimanapun, keghairahan berfesyen mendorong mereka mendedahkan aurat.

Islam menuntut umatnya agar memelihara dan menutup aurat dengan sempurna. Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Sekiranya seorang wanita telah didatangi haid, anggota badannya tidak boleh diperlihatkan kecuali ini dan ini.” Baginda mengisyaratkan ke mukanya dan kedua-dua tapak tangannya. (Hadis Riwayat Abu Daud).

Siapa kata wanita berhijab susah untuk berfesyen? Selari dengan aliran fesyen global yang berkembang pesat, generasi kini mempunyai kebebasan dalam mengekspresikan gaya fesyen mereka.

Wanita berhijab juga sakan berfesyen dan tidak mahu ketinggalan daripada mengikuti perkembangan aliran fesyen terkini.

Pemilihan pemakaian yang sesuai juga penting bagi menjaga penampilan agar lebih berkeyakinan, sekali gus memberi impak positif terhadap seorang wanita muslimah.

Sejajar dengan itu, Islam tidak melarang umatnya berfesyen dan mengikuti perkembangan fesyen semasa. Malah, Islam sememangnya mementingkan kecantikan dan mengharuskan umatnya berhias.

Firman Allah SWT dalam surah al-‘Araf ayat 26 yang bermaksud “Hai anak cucu Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian yang dapat menutupi aurat-aurat kamu dan untuk perhiasan.”

Namun, wanita hendaklah memastikan pakaian atau fesyen yang digayakan benar-benar mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Islam.

Pakaian yang membaluti keseluruhan tubuh masih dianggap tidak menutup aurat sekiranya ia menampakkan bentuk dan susuk tubuh.

Oleh itu, wanita muslimah perlu tahu batas pemakaian dalam Islam sebelum berpakaian mengikut fesyen.

Sebagai wanita, kita hendaklah memelihara aurat dan mengekalkan kesopanan serta ketertiban dalam berfesyen.

Justeru, perkara ini bukan sahaja melambangkan imej sebenar seorang wanita muslimah malah mampu memelihara kita daripada tatapan mata liar dan mangsa kerakusan nafsu manusia, sekaligus memastikan kesucian serta maruah kita sebagai wanita turut terpelihara.

